

10 MAY 1996

Asahan (fokus)

BN DIJANGKA MENANG TANPA TANDING PERTAHANAN KERUSI BUKIT ASAHAN

MELAKA, 10 Mei (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) dijangka mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri Bukit Asahan tanpa bertanding pada pilihan raya kecil yang akan diadakan 3 Jun ini.

Kemungkinan BN menang tanpa dicabar bagi mempertahankan kerusi itu bertambah kukuh berikutan perkembangan terbaharu politik bersabit cadangan Presiden Parti Melayu Semangat 46 Tengku Razaleigh Hamzah untuk menyertai semula Umno.

Wakil BN, Datuk N. Arunasalam menang besar mengalahkan calon S46, Khairuddin Abdullah dengan majoriti 4,722 undi pada pilihan raya umum lalu.

Pilihan raya kecil kerusi itu diadakan selepas kematian Arunasalam dalam kemalangan jalan raya di Petaling Jaya bulan lepas.

Semua tiga parti pembangkang utama, PAS, DAP dan S46 yang dihubungi mengesahkan bahawa mereka belum membuat keputusan sama ada akan menyertai pilihan raya berkenaan.

Hanya S46 yang mendakwa telah bersedia bagi menghadapi pilihan raya kecil itu namun perkembangan mutakhir dalam parti itu mungkin bukan sahaja menyebabkan mereka tidak bertanding tetapi akan membantu kempen BN pula.

Timbalan Pengerusi S46 negeri, Samad Abdullah berkata jentera pilihan raya parti telah bersiap sedia bagi menyertai pilihan raya kecil itu dan telah menyenaraikan calon yang sesuai.

"Dalam keadaan sekarang, kita menyerahkan sebarang keputusan kepada jawatankuasa pusat parti," katanya merujuk kepada laporan pengumuman Tengku Razaleigh untuk menyertai Umno.

PAS yang mungkin bersendirian jika menentang BN pada pilihan raya kecil itu masih belum membuat keputusan sama ada akan meletakkan calon atau tidak.

Pada pilihan raya umum lepas, PAS dan S46 saling bekerjasama.

Pesuruhjaya PAS negeri, Mursidul Salleh berkata pihaknya akan berbincang dengan pucuk pimpinan PAS pusat mengenai keputusan itu.

DAP Melaka pula hanya akan membuat keputusan pada mesyuarat yang diadakan minggu depan, kata Pengerusinya Sim Thong Him.

BN akan meletakkan semula calon daripada MIC untuk mempertahankan kerusi yang dianggap selamat itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa melawat Melaka minggu lepas mengumumkan BN akan tetap meletakkan calon daripada MIC walaupun majoriti pengundi kawasan itu terdiri daripada orang Melayu.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani berkata walaupun BN yakin menang tetapi kempen giat akan dijalankan bagi memastikan majoriti undi tidak berkurangan.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu dijangka mengumumkan calon BN bagi kerusi itu semasa mengadakan perjumpaan dengan pemimpin MIC negeri di sini Isnin ini.

Calon yang disebut-sebut akan mewakili BN ialah Setiausaha MIC negeri, R. Raghavan.

Pemerhati politik berpendapat walaupun parti pembangkang besar kemungkinan tidak menyertai pilihan raya kecil itu tetapi terdapat kemungkinan ada calon bebas mencuba nasib.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 23 Mei ini sebagai hari penamaan calon.

Bilangan pengundi bagi kerusi berkenaan ialah sebanyak 11,191 orang dengan pengundi Melayu sebanyak 52.2 peratus, Cina 30.8 peratus dan India

12.3 peratus.
-- BERNAMA
MOZ AKD